



Headline: Polis berkas 23 ahli sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 26 October 2018

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 54

Polis berkas 23 ahli sindiket Macau Scam

Kuala Lumpur: Polis Kuala Lumpur menumpaskan sindiket Macau Scam antarabangsa, yang menjadikan sebuah kondominium di ibu negara sebagai pusat operasi bagi memperdaya mangsa.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim, berkata dalam serbuan oleh anggota Bahagian Risikan/Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur pada 18 Oktober lalu, polis menahan 23 lelaki warga China terbabit sindiket itu.

Katanya, serbuan pada jam 5 petang di sebuah kondominium di Jalan Tun Razak, dijalankan dengan kerjasama Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras dan IPD Wangsa Maju.

“Hasil siasatan dijalankan, sindiket itu dikesan sudah beroperasi di negara ini sejak dua bulan lalu.

Sasar rakyat China

“Sasaran mereka adalah rakyat di China sendiri dan polis masih menyiasat kemungkinan rakyat di negara ini turut menjadi mangsa sindiket itu,” katanya pada sidang media Kejayaan Menumpaskan Sindiket Macau Scam di IPK Kuala Lumpur, semalam.

Mazlan berkata, semua 23 ahli sindiket yang ditahan berusia 18 hingga 39 tahun, dibayar gaji RM3,000 sebulan bagi menipu mangsa.

Menurut Mazlan, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan semua ahli sindiket itu kini direman selama 14 hari mengikut Akta

Imigresen sehingga 1 November depan.

Beliau turut memaklumkan, 376 kes Macau Scam membabitkan kerugian RM43.6 juta direkodkan di ibu negara bagi tempoh antara Januari hingga September tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 134 kes daripada 242 kes bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Katanya, pada tahun lalu, jumlah kerugian kes itu bagi tempoh sama adalah RM8.3 juta, tetapi tahun ini menunjukkan peningkatan, iaitu sebanyak 35.2 juta.

Mazlan berkata, susulan peningkatan kes penipuan Macau Scam itu, polis meminta kerjasama orang ramai menyalur maklumat mengenai kegiatan sindiket berkenaan sekiranya ada kegiatan mencurigakan di kawasan kejiranan.